

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
(DUNGUN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29.10.2015

Y.B. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah pinjaman KWSP kepada GLC dan bayaran balik GLC kepada KWSP serta senaraikan syarikat GLC yang menerima modal daripada KWSP.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pendedahan portfolio pembiayaan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada kerajaan

dan Syarikat Milik Kerajaan (GLC) setakat 30 September 2015 adalah sebanyak RM76.31 bilion. Pendedahan pembiayaan KWSP di dalam portfolio tersebut adalah dalam bentuk pinjaman berkadar tetap dan langganan Bon/Sukuk di mana sebahagiannya bersandarkan kepada jaminan kerajaan dan cagaran aset.

Sehingga kini, syarikat-syarikat kerajaan atau GLC berjaya memenuhi obligasi pembayaran balik pinjaman kepada KWSP mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.